

Sidek, Nadzmi terima ijazah

DURIAN TUNGGAL

- Pengerusi Petronas, Tan Sri Mohd Sidek Hassan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan sempena Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem) kali ke-8 di sini, semalam selepas menerima ijazah sama minggu lalu.

Beliau yang juga bekas Ketua Setiausaha Negara diberi penghormatan menerima ijazah sama oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Majlis Konvokesyen UPM kali ke-36, 13 Oktober lalu.

Selain Mohd Sidek, Utem turut menganugerahkan ijazah doktor kehormat dalam bidang keusahawanan kepada bekas Pengerusi dan Pengarah Proton Holdings Bhd, Datuk Seri Mohd Nadzmi Mohd Salleh.

Mohd Nadzmi dianugerahkan ijazah itu kerana kecemerlangannya yang dipamerkan dalam bidang perniagaan terutama ketika ber-



Mohd Nadzmi (kanan) menerima ijazah dari Mohd Khalil.

khdimat di Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) dan Proton.

Anugerah ijazah dok-

tor kehormat itu disampaikan Canselor Utem, Tun Mohd Khalil Yaakob kepada kedua-duanya.